

**KEHUJAHAN DALIL *FATH AL-'AZĪZ* OLEH  
AL-RĀFI'Ī: KAJIAN TERHADAP HADIS  
TERPILIH YANG DINILAI *ḌA'ĪF* OLEH IBN  
AL-MULAQQIN**

**The Evidential Authority of al-Rāfi'ī's *Fath al-  
'Azīz*: A Study of Selected Hadiths Classified as  
*Ḍa'īf* by Ibn al-Mulaqqin**

**Ahmad Hafiz Mohd Rozmizi\***  
**Thuraya Ahmad \*\***

**ABSTRACT**

*The Shāfi'ī school of jurisprudence imposes strict conditions on the acceptance of weak ḥadīth as legal evidence. Notwithstanding, Ibn al-Mulaqqin declares that in a Shafīte masterpiece named *Fath al-'Azīz* by al-Rāfi'ī, approximately more than one-fifth of its hadith are weak. To clarify the matter, this study aims to accentuate examples of strengtheners which support the apparently weak ḥadīths, by focusing on 5 hadiths of the book. These hadiths, which were*

---

\* PhD Candidate, Department Al-Quran and Al-Sunnah, Faculty of Islamic Civilisation Studies, Universiti Islam Selangor, 43000 Selangor, Malaysia. (Corresponding Author) E-mail: [ahmadhafizmohdrozmizi@gmail.com](mailto:ahmadhafizmohdrozmizi@gmail.com)

\*\* Senior Lecturer, Islamic Studies Section, School of Humanities Universiti Sains Malaysia, 11700 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia. E-mail: [thuraya@usm.my](mailto:thuraya@usm.my)

*declared weak by Ibn al-Mulaqqin, are selected from Kitāb al-Ṭahārah to Kitāb al-Janā'iz. This study adopts a qualitative method as it employs library research for data collection, which is then interpreted through textual analysis. Within the analysis is the ascription of each sourced hadith (takhrīj). Finally, this study proves the presence of significant corroborating qarā'in such as corroboration of the chains of transmission, supports provided by testimonial narrations, the practice of jurists, and conformity with the meanings of sound ḥadīth which allow these ḥadīth to be applied in legal rulings according to al-Rāfi'ī's approach. Indeed, all five hadiths are eligible to be upgraded to the status of 'hasan li ghayrih' (passable due to testimonial narration). This study is expected to contribute to a more balanced understanding of the methodology of legal istinbāṭ based on apparently weak ḥadīth and its implications for contemporary fiqh discourse and fatwa governance.*

**Keywords:** *Authenticity, Weak Ḥadīth, Shāfi'ī School, Fath al-'Aziz, Ibn al-Mulaqqin.*

## PENDAHULUAN

Kitab *Fath al-'Aziz Sharḥ al-Wajīz* merupakan antara karya fiqh dalam Mazhab Syafii yang ditulis oleh Abū al-Qāsim 'Abd al-Karīm ibn Muḥammad al-Rāfi'ī (w. 623H). Al-Rāfi'ī dan Yaḥyā ibn Sharaf al-Nawawī (w. 676H) dikenali sebagai al-Shaykhān dalam Mazhab Syafii, iaitu dua tokoh utama yang memikul amanah menyunting, mentarjīh dan menyelaraskan pandangan-pandangan mazhab. Mereka berdua berperanan menyusun pendapat muktamad yang berautoriti dalam mazhab tersebut.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Nik Airin Aqmar Nik Azhar, "Analisis Perkembangan Istilah Qawl Muktamad dan Rujukan Kitab Muktamad dalam Mazhab Shafie," *Jurnal 'Ulwan* 8, no.1 (2023): 260-261.

Kedudukan istimewa al-Rāfi'ī yang setanding dengan al-Nawawī menjadikan karyanya sebagai rujukan asas dalam perbincangan hukum-hakam Mazhab Syafii.

Penelitian terhadap karya-karya al-Rāfi'ī menunjukkan bahawa beliau bukan sahaja unggul dalam disiplin fiqh, bahkan memiliki keupayaan menggabungkan fiqh dan hadis secara sistematik. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam *Fath al-'Azīz Sharḥ al-Wajīz*, iaitu syarah kepada *al-Wajīz* karya al-Ghazālī (w. 505H). Kitab ini turut dikenali dengan judul *al-Sharḥ al-Kabīr* kerana perbahasannya yang luas dan mendalam, serta penggunaan hadis sebagai sandaran bagi kebanyakan hukum-hakam dalam Mazhab Syafii, sehingga menghimpunkan sekitar 2,995 hadis.<sup>2</sup>

Hadis-hadis yang dimuatkan dalam *Fath al-'Azīz* yang banyak itu telah mendorong para ulama hadis dalam Mazhab Syafii untuk melakukan kerja-kerja *takhrīj* secara khusus. Antaranya ialah Ibn al-Mulaqqin (w.804H) yang menyusun *al-Badr al-Munīr fī Takhrīj al-Aḥādīth wa al-Āthār al-Wāqī'at fī al-Sharḥ al-Kabīr* dalam 27 jilid, yang kemudiannya beliau ringkaskan menjadi 2 jilid yang dinamakan *Khulāṣat al-Badr al-Munīr*. Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (w.852H) turut meringkaskannya kepada tujuh jilid dengan judul *al-Talkhīṣ al-Ḥabīr*. Selain itu, al-Zarkashī (w.794H) juga menghasilkan karya *takhrīj* berjudul *al-Dhahab al-Ibrīz fī Takhrīj Aḥādīth Fath al-'Azīz*. Berdasarkan apa yang telah disebutkan daripada kitab-kitab *takhrīj* hadis di atas, ia menunjukkan kepentingan kitab ini di sisi ulama hadis dan fiqh.

Kajian ini memfokuskan kepada hadis yang bermula daripada *Kitāb al-Ṭahārah* sehingga ke akhir bab solat, sebelum *Kitāb al-Janā'iz* iaitu mengandungi 872 hadis. 190 hadis daripadanya adalah *da'if* menurut Ibn al-Mulaqqin.<sup>3</sup> Walaupun secara prinsipnya hadis *da'if* tidak diterima sebagai hujah dalam penetapan hukum-hakam, sebahagian hadis *da'if* yang dikemukakan oleh al-Rāfi'ī dilihat berfungsi sebagai sandaran hukum. Keadaan ini menimbulkan persoalan metodologi *istinbāt* yang digunakan,

---

<sup>2</sup>Umar ibn 'Alī Ibn al-Mulaqqin, *Khulāṣat al-Badr al-Munīr* (Kaherah: Maktabat al-Rushd, 2011), 2:465.

<sup>3</sup> Ibn al-Mulaqqin, *Khulāṣat al-Badr al-Munīr*, 1:7-252.

khususnya berkaitan kewujudan *qarā'in* yang menyokong pengamalan hadis-hadis tersebut.

Kajian seumpama ini turut dilakukan oleh Ayman Muṣṭafā pada tahun 2019 bertajuk *al-'Amal bi al-Hadīth al-Da'īf 'ind al-Imām al-Shāfi'ī: Dirāsāt Taṭbīqiyyat min Khilāl Kitābih al-Umm*. Kajian ini meneliti penggunaan hadis *da'īf* dalam karya *al-Umm* dengan menyenaraikan hadis-hadis yang dinilai lemah dari sudut sanad seperti terputus, *tadlīs*, mursal dan lain-lain. Kajian tersebut turut menghuraikan sebab al-Shāfi'ī memasukkan hadis-hadis berkenaan serta menjelaskan manhaj penerimaannya dengan analisis yang terperinci dan penghujahan yang sistematik.<sup>4</sup>

Walaupun kajian Ayman Muṣṭafā mempunyai persamaan dengan kajian ini daripada aspek penelitian terhadap hadis *da'īf* dalam mazhab Syafii, fokus kajian beliau berbeza kerana tertumpu kepada hadis dalam *al-Umm* termasuk dalam bab sirah dan *fadā'il*, sedangkan kajian ini akan menumpukan kepada hadis-hadis *da'īf* yang digunakan dalam penetapan hukum fiqh melalui kitab *Faḥ al-'Azīz*, di samping meneliti *qarā'in* yang menguatkan penggunaannya serta implikasinya terhadap penghujahan hukum. Oleh itu, kajian ini diketengahkan untuk menganalisis secara kritis metodologi penggunaan sebahagian hadis *da'īf* dalam *istinbāt* hukum oleh al-Rāfi'ī, sekali gus menyumbang kepada pemahaman yang lebih tepat terhadap metodologi *istinbāt* dalam Mazhab Syafii.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis pengamalan hadis yang dikatakan *da'īf* dalam penentuan hukum-hakam Mazhab Syafii melalui kitab *Faḥ al-'Azīz* karya al-Rāfi'ī. Pendekatan ini membolehkan kajian mendalam terhadap teks, sanad, dan *qarā'in* yang menyokong penerimaan hadis *da'īf*. *Qarā'in* ialah merujuk kepada faktor dalaman atau luaran yang menyokong sesuatu hadis, sama ada untuk memperkukuh sanad atau matan.

---

<sup>4</sup> Ayman Muṣṭafā, “*Al-'Amal bi al-Hadīth al-Da'īf 'ind al-Imām al-Shāfi'ī: Dirāsāt Taṭbīqiyyat min Khilāl Kitābih al-Umm*” (tesis kedoktoran yang belum diterbitkan, Islamic University of Gaza, 2019), 65.

Data diperoleh melalui kajian kepustakaan, merangkumi sumber primer seperti *Faṭḥ al-'Azīz*<sup>5</sup> dan *takhrīj* oleh Ibn al-Mulaqqin melalui kitab *Khulāṣat al-Badr al-Munīr*<sup>6</sup> bagi mengenal pasti hadis *ḍa'īf* yang dijadikan hujah hukum. Penerbitan *Jā'izat Dubayy al-Dawliyyat li al-Qur'ān al-Karīm* bagi kitab *Faṭḥ al-'Azīz* dipilih kerana ia merupakan kitab yang disunting berpandukan 11 manuskrip. Manakala penerbitan *Maktabat al-Rushd* dipilih bagi kitab *Khulāṣat al-Badr al-Munīr* kerana ia telah ditahqīq oleh Ḥamdī ibn 'Abd al-Majīd berdasarkan kitab asal iaitu *al-Badr al-Munīr* dan manuskrip *Khulāṣat al-Badr al-Munīr*.

Pengkaji memilih kitab *Khulāṣat al-Badr al-Munīr* kerana *takhrīj* yang dilakukan oleh Ibn al-Mulaqqin melalui *al-Badr al-Munīr* lebih luas dan mendalam berbanding kitab *takhrīj* yang lain. Lalu, beliau menulis kembali *takhrīj* sebagai ringkasan kepada kitab asal. Hal ini menjadikan kitab *takhrīj* beliau mendapat tumpuan dua kali yang membantu untuk memastikan darjat hadis yang dikaji. Sumber sekunder termasuk karya rujukan Mazhab Syafii, kitab-kitab kompilasi hadis, serta artikel dan tesis kontemporari. Koleksi perpustakaan daripada koleksi peribadi dan sumber dalam talian seperti *Shamela.ws*, *Dorar.net*, *ResearchGate* dan jurnal akademik turut digunakan untuk melengkapkan pengumpulan data.

Kajian ini memfokuskan skop kepada *Kitāb al-Ṭahārah* hingga akhir bab solat dalam *Faṭḥ al-'Azīz*, yang merangkumi 872 hadis daripada keseluruhan 2,995 hadis. Berdasarkan *takhrīj* oleh Ibn al-Mulaqqin, sebanyak 190 hadis (21.80%) dikategorikan sebagai *ḍa'īf* berbanding 78.20% hadis sahih dan hasan. Kajian tertumpu kepada bab ini kerana asal bagi sesuatu ibadat ialah *tawqīf*.<sup>7</sup> Oleh kerana perkara berkaitan solat tidak boleh disabitkan melainkan dengan nas, maka hadis-hadis yang menyabitkan hukum berkaitan dengan solat mestilah cukup kuat untuk diamalkan. Hanya lima hadis *ḍa'īf* yang dipilih adalah berdasarkan penilaian darjat dan *takhrīj* dalam kitab *al-Badr al-Munīr* dan *Khulāṣat al-Badr al-Munīr* oleh Ibn al-Mulaqqin.

---

<sup>5</sup> Abū al-Qāsim 'Abd al-Karīm al-Rāfi'ī, *Al-'Azīz fī Sharḥ al-Wajīz* (Dubai: Jā'izat Dubayy al-Dawliyyat li al-Qur'ān al-Karīm, 2016), 1:i.

<sup>6</sup> Umar ibn 'Alī Ibn al-Mulaqqin, *Khulāṣat al-Badr al-Munīr* (Kaherah: Maktabat al-Rushd, 2011), 1:1.

<sup>7</sup> Muḥammad al-Zuḥaylī, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyat wa Ṭaṭbīqātihā fī al-Madhāhib al-Arba'ah* (Damsyik: Dār al-Fikr, 2006), 1:769.

Pemilihan lima hadis *da'if* dibuat secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) berdasarkan kepelbagaian jenis kelemahan dan kaitannya dengan perbahasan fiqh. Pemilihan ini bertujuan sebagai analisis kualitatif yang representatif terhadap bentuk penggunaan hadis *da'if* dalam *istinbāt* hukum, bukan untuk mewakili keseluruhan kandungan kitab.

Analisis dilakukan secara manual dengan dua pendekatan utama. Pertama, metode deduktif, untuk mengaitkan teori dan prinsip *istinbāt* hukum dengan *qarā'in* yang menyokong penerimaan hadis *da'if*, termasuk sokongan sanad, *mutāba'āt*, riwayat sahabat dan fatwa ulama. Kedua, analisis teks, bagi memastikan maksud yang tepat bagi istilah dan ungkapan Arab, serta *takhrīj* dan ulasan tambahan bagi menjelaskan status sanad dan periwayatan.

Kajian turut menggunakan *takhrīj mukhtaṣar* bagi hadis yang relevan, bermula daripada *al-Kutub al-Sittah* dan rujukan Mazhab Syafii, untuk mengesahkan kesahihan riwayat dan mengenal pasti sokongan tambahan. Dengan metodologi ini, kajian mampu menilai asas ilmiah dan justifikasi al-Rāfi'ī dalam mengamalkan hadis secara kasarnya dikira *da'if* sebagai hujah hukum, sekali gus menyumbang kepada pemahaman metodologi *istinbāt* Mazhab Syafii.

### **KEHUJAHAN HADIS *DA'IF***

Perbahasan mengenai kehujahan hadis *da'if* merupakan antara isu penting dalam metodologi *istinbāt* hukum. Secara asasnya, hadis *da'if* ialah hadis yang tidak memenuhi syarat hadis sahih atau hasan, namun tidak sampai ke tahap *mawḍū'*. Dalam hal pengamalannya, para ulama hadis berbeza pandangan kepada tiga pendapat utama.

Pandangan pertama ialah golongan yang menolak penggunaan hadis *da'if* secara mutlak sama ada dalam hukum-hakam mahupun *faḍā'il al-a'māl*.<sup>8</sup> Golongan ini dinisbahkan kepada sebahagian *muḥaddīthīn* seperti Yaḥyā ibn Ma'īn, al-

---

<sup>8</sup> 'Abd al-Karīm ibn 'Abdillāh al-Khuḍayr, "*al-Ḥadīth al-Da'if wa Ḥukm al-Ihtijāj bih*" (tesis sarjana, Universiti al-Imam Muḥammad Bin Saud al-Islamiyyah, 1997), 260.

Bukhārī, Ibn Al-Qayyim dan al-Shawkānī.<sup>9</sup> Namun, penelitian terhadap amalan sebenar mereka dalam karya-karya mereka menunjukkan bahawa penisbahan ini tidak sepenuhnya tepat, kerana terdapat juga penggunaan hadis *da'if* dalam konteks tertentu seperti *mutāba'āt* atau dalam bab *al-raqā'iq*.<sup>10</sup> Justeru, penolakan secara mutlak ini masih menjadi perbincangan dan tidak disepakati secara menyeluruh. Namun, golongan yang dapat dipastikan menolak hadis *da'if* secara mutlak ialah Aḥmad Muḥammad Shākīr dan Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī.<sup>11</sup>

Pandangan kedua pula menerima pengamalan hadis *da'if* secara lebih luas, termasuk dalam hukum-hakam, khususnya apabila tiada dalil lain yang lebih kuat dalam sesuatu bab.<sup>12</sup> Pendapat ini dikaitkan dengan imam-imam seperti Abū Ḥanīfah, Mālik, Aḥmad ibn Ḥanbal dan Abū Dāwūd.<sup>13</sup> Mereka mendahulukan hadis *da'if* berbanding qiyas dan ijtihad apabila ketiadaan hadis sahih dalam bab tersebut.

Manakala pandangan ketiga, yang merupakan pegangan jumur ulama, mengharuskan pengamalan hadis *da'if* dalam ruang lingkup tertentu sahaja, iaitu dalam *faḍā'il al-a'māl*, *targhīb* dan *tarhīb*, serta *manāqib*, tanpa melibatkan persoalan akidah dan hukum halal haram.<sup>14</sup> Pandangan ini disandarkan kepada ramai tokoh besar seperti al-Nawawī, Ibn al-Ṣalāḥ, Ibn Ḥajar dan lain-lain.<sup>15</sup> Bahkan, sebahagian ulama menukilkan ada kesepakatan

---

<sup>9</sup> Abd al-Karīm ibn 'Abdillāh al-Khuḍayr, "al-Ḥadīth al-Da'if wa Ḥukm al-Iḥtijāj bih," 260-268.

<sup>10</sup> 'Awwāmah, Muḥammad, *Ḥukm al-'Amal bi al-Ḥadīth al-Da'if bayn al-Nazariyyat-wa al-Taṭbīq wa al-Da'wā* (Jeddah: Dar al-Minhaj, 2017), 57.

<sup>11</sup> Bashīr Ḍayf ibn Abī Bakr al-Jazā'irī, *Majmū' Rasā'il fī Bayān al-Ḥadīth al-Da'if* (Beirut: Dar Ibnu Hazm, 2014), 10.

<sup>12</sup> Muhammad Hafizi Sulaiman, "Hadis Palsu dan Da'if: Pengertian dan Kesan," *Jurnal Penyelidikan Islam*, 27 (2015): 32.

<sup>13</sup> Zayn Muḥammad Ḥusayn al-'Aydūrūs, *al-Ḥadīth al-Da'if wa Athāruh fī al-Ahkām* (Kaherah: Dār al-Bashaer, 2011), 10.

<sup>14</sup> al-Jazā'irī, *Majmū' Rasā'il fī Bayān al-Ḥadīth al-Da'if*, 11.

<sup>15</sup> Aḥmad Nabawī, *al-Ṣirāṭ al-Mustaḳīm fī Bayān Madhhab al-Muhaddīthīn fīmā al-Tabasa min al-Mafāhim* (Kaherah: Dār al-Imām al-Rāzī, 2019), 127.

(ijmak) terhadap keharusan ini dalam konteks *faḍā'il al-a'māl*.<sup>16</sup>

Berdasarkan ketiga-tiga pandangan ini, dapat disimpulkan bahawa kehujahan hadis *da'īf* dalam ibadah tidak bersifat mutlak, sebaliknya tertakluk kepada batasan dan konteks penggunaannya. Dalam kerangka kajian ini, perbincangan tersebut menjadi asas penting bagi menilai bagaimana hadis-hadis *da'īf* yang terdapat dalam *Faḥḥ al-'Azīz* oleh al-Rāfi'ī diujahkan dalam masalah ibadah. Peranan *qarā'in* juga diteliti bagi memastikan hadis *da'īf* yang diujahkan oleh al-Rāfi'ī mempunyai kekuatan yang menaikkan darjat kepada *ḥasan li ghayrih* atau tidak.

### ANALISIS HADIS *DA'ĪF* DALAM *FATH AL-'AZĪZ*

Analisis dibuat terhadap lima hadis *da'īf* yang terpilih seperti yang telah dinyatakan justifikasinya di atas. Pemilihan hadis *da'īf* adalah merangkumi semua hadis *da'īf* termasuk hadis mursal dan hadis sangat *da'īf*. Manakala bagi penomborannya dan rumusan darjat hadis pula, pengkaji akan berpandukan kepada *Khulāsat al-Badr al-Munīr* oleh Ibn al-Mulaqqin kerana beliau telah menyimpulkan darjat hadis dalam kitab ini berbanding kitab asal *al-Badr al-Munīr* yang dibahaskan panjang lebar.

### Hadis Kemakruhan Solat Pada Waktu Tengahari Kecuali Hari Jumaat

al-Rāfi'ī mensyarahkan perkataan al-Ghazālī mengenai larangan solat pada waktu tengahari kecuali hari Jumaat. Menurut al-Rāfi'ī pengecualian pada hari Jumaat ini adalah bersandarkan kepada hadis:

أَنَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَرِهَ الصَّلَاةَ نِصْفَ النَّهَارِ إِلَّا يَوْمَ  
الْجُمُعَةِ وَقَالَ: "إِنَّ جَهَنَّمَ تُسَجَّرُ إِلَّا يَوْمَ الْجُمُعَةِ".<sup>17</sup>

---

<sup>16</sup> Aḥmad Nabawī, *al-Širāṭ al-Mustaqīm fī Bayān Madhhab al-Muhaddīthīn fīmā al-Tabasa min al-Mafāhim*, 127.

<sup>17</sup> Abū al-Qāsim 'Abd al-Karīm al-Rāfi'ī, *Al-'Azīz fī Sharḥ al-Wajīz* (Dubai: Jā'izat Dubayy al-Dawliyyat li al-Qur'ān al-Karīm, 2016), 3:120.

Terjemahan: “Bahawa Nabi s.a.w. memakruhkan pelaksanaan solat pada waktu tengahari kecuali hari Jumaat dan Baginda bersabda: “Sesungguhnya neraka Jahannam dimarakkan pada waktu itu kecuali hari Jumaat.”

Ibn al-Mulaqqin mengatakan bahawa hadis ini adalah riwayat Abū Dāwūd daripada Abū Qatādah r.a. dengan sanad yang *ḍa’if* dan mursal.<sup>18</sup> Hadisnya adalah seperti berikut:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَيْسَى، حَدَّثَنَا حَسَّانُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ، عَنْ  
لَيْثٍ، عَنْ مُجَاهِدٍ، عَنْ أَبِي الْخَلِيلِ، عَنْ أَبِي قَتَادَةَ، عَنِ النَّبِيِّ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنَّهُ كَرِهَ الصَّلَاةَ نِصْفَ النَّهَارِ إِلَّا يَوْمَ  
الْجُمُعَةِ، وَقَالَ: "إِنَّ جَهَنَّمَ تُسَجَّرُ إِلَّا يَوْمَ الْجُمُعَةِ".<sup>19</sup>

Terjemahan: “Muhammad ibn ‘Īsā, telah meriwayatkan kepada kami, Ḥassān ibn Ibrāhīm telah meriwayatkan kepada kami, daripada Layth, daripada Mujāhid, daripada Abū al-Khalīl, daripada Abū Qatādah r.a., daripada Nabi s.a.w., memakruhkan melaksanakan solat pada waktu tengahari kecuali hari Jumaat dan Baginda bersabda: “Sesungguhnya neraka Jahannam dimarakkan pada waktu itu kecuali hari Jumaat.”

Abū Dāwūd telah memberi komen kepada hadis ini seperti berikut: “Ia mursal, Mujāhid lebih berusia daripada Abū al-Khalīl. Tambahan pula Abū al-Khalīl tidak pernah mendengar (hadis) daripada Abū Qatādah r.a.<sup>20</sup> Dapat difahami daripada *takhrījnya* bahawa Ibn al-Mulaqqin mengkategorikan hadis ini sebagai *ḍa’if*. Apabila Abu Dāwūd menyebut kes mursal yang tidak melibatkan

<sup>18</sup> Ibn al-Mulaqqin, *Khulāṣat al-Badr al-Munīr*, 1:95.

<sup>19</sup> Hadis Riwayat Abū Dāwūd, Sunan Abī Dāwūd, *Tafrī’ Abwāb al-Jumu’ah*, Bab: *al-Ṣalāt yawm al-Jumu’at qabl al-Zawāl*, no. hadith 1083. Lihat Abū Dāwūd Sulaymān ibn al-Ash’ath al-Sijistānī, *Sunan Abī Dāwūd*, vol.1 (Beirut: al-Maktabat al-‘Aṣriyyah, t.t.), 284.

<sup>20</sup> *Ibid.*, 1:284.

sahabat, maka dapat difahami ia bermaksud keguguran pada sanad secara umum. Mursal di sini bukan dengan makna *istilāhī* yang memaksudkan secara khusus hadis yang gugur daripada sanadnya perawi sahabat. Maksud mursal di sini ialah keguguran secara umum yang boleh berlaku pada mana-mana tempat pada rantaian sanad.<sup>21</sup>

Pengkaji mendapati, al-Rāfi'ī tidak menyentuh aspek *kada'ifan* hadis ini, tetapi beliau menguatkan pandangan ulama berdasarkan hadis ini seperti yang beliau jelaskan:

وَاعْلَمَ أَنَّ قَوْلَهُ وَقَدْ وَرَدَ الْخَبْرُ بِاسْتِثْنَاءِ يَوْمِ الْجُمُعَةِ عَنِ  
الْكِرَاهِيَةِ ظَاهِرُهُ يَفْتَضِي اسْتِثْنَاءَ جَمِيعِ الْأَوْقَاتِ الْخُمْسَةِ  
كَمَا حَكَيْنَاهُ وَجْهًا عَنِ بَعْضِ الْأَصْحَابِ، وَلَكِنْ قَوْلُهُ  
وَهَلْ يَخْتَصُّ ذَلِكَ مَن يَغْشَاهُ النَّعَاسُ مُبَيَّنُّ أَنَّهُ أَرَادَ بِالْأَوَّلِ  
وَقْتِ الْاِسْتِوَاءِ لَا غَيْرَ، وَفِيهِ اشْتِهَارُ الْخَبْرِ وَهُوَ الْأَصْحَحُّ فِي  
الْمَذْهَبِ.<sup>22</sup>

Maksudnya: “Ketahuilah bahawa lafaz “dan telah diriwayatkan bahawa khabar mengenai pengecualian hari Jumaat daripada kemakruhan” zahirnya menunjukkan bahawa semua lima waktu lain dikecualikan, sebagaimana yang diriwayatkan daripada sebahagian ulama (Mazhab Syafii). Namun, lafaz “adakah itu khusus bagi orang yang mengantuk” menjelaskan bahawa yang dimaksudkan pada pandangan pertama hanyalah waktu *istiwā'* (matahari tegak pada waktu tengah hari) sahaja. Pendapat ini lebih masyhur dalam

<sup>21</sup> 'Abd al-Muhsin al-'Abbād, *Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*, (Mawqa' al-Shabakat al-Islāmiyyah, t.t.), 18: 447, diakses 20 Mei 2026, <https://shamela.ws/book/37052/13430>

<sup>22</sup> al-Rāfi'ī, *Al-'Aziz fī Sharḥ al-Wajīz*, 3:123.

*periwayatan dan merupakan pandangan paling sahih menurut mazhab.*

Sekalipun al-Rāfi'ī tidak membahaskan status hadis ini, namun beliau dengan jelas berhujah dengan hadis *da'īf* dalam hal ini sehingga menjadikannya sebagai dalil untuk *mentarjīhkan* pandangan tersebut dalam mazhab Syafii. Namun, sebab beliau berhujah dengan hadis *da'īf* ini dapat dilihat melalui sokongan daripada *qarā'in* yang menguatkan hadis tersebut. Sokongannya daripada hadis sahih riwayat 'Amr ibn 'Abasat al-Sulamī r.a. yang panjang lebar, antaranya sabda Nabi s.a.w. yang menyebut:

"فَإِنَّ الصَّلَاةَ مَشْهُودَةٌ مَحْضُورَةٌ حَتَّى يَسْتَقِيلَ الظِّلُّ بِالرَّمْحِ،  
ثُمَّ أَقْصَرَ عَنِ الصَّلَاةِ؛ فَإِنَّ حِينَيْدِ تُسَجَّرُ جَهَنَّمُ".<sup>23</sup>

Terjemahan: "Maka sesungguhnya solat itu disaksi dan dihadiri (para malaikat) sehingga bayangan menepati tombak (justeru tidak kelihatan), kemudian berhenti daripada mengerjakan solat kerana sesungguhnya ketika itu neraka Jahannam sedang marak."

Manakala hadis yang menyokong pengecualian pada hari Jumaat ialah riwayat berikut:

أَخْبَرَنَا أَبُو سَعِيدٍ قَالَ: حَدَّثَنَا أَبُو الْعَبَّاسِ قَالَ: أَخْبَرَنَا الرَّبِيعُ  
قَالَ: قَالَ الشَّافِعِيُّ قَالَ: أَخْبَرَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُحَمَّدٍ قَالَ:  
حَدَّثَنِي إِسْحَاقُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ، عَنْ سَعِيدِ الْمَقْبَرِيِّ، عَنْ أَبِي

---

<sup>23</sup> Hadith Riwayat Muslim, Sahih Muslim, Kitab: *Ṣalāt al-Musāfirīn wa Qaṣruhā*, Bab: *Islām 'Amr ibn 'Abasah*, no. hadith 832. Lihat Abū al-Ḥusayn Muslim ibn al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol 1, (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1955), 569.

هُرَيْرَةَ: "أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ الصَّلَاةِ  
نِصْفَ النَّهَارِ إِلَّا يَوْمَ الْجُمُعَةِ".<sup>24</sup>

Terjemahan: “Abū Sa‘īd mengkhabarkan kepada kami, dia berkata, Abū al-‘Abbās mengkhabarkan kepada kami, dia berkata, al-Rabī’ mengkhabarkan kepada kami, al-Shāfi‘ī berkata, Ibrāhīm ibn Muḥammad mengkhabarkan kepada kami, dia berkata, Ishāq ibn ‘Abd Allāh meriwayatkan kepadaku, daripada Sa‘īd al-Maqburī, daripada Abū Hurayrah r.a.: “Bahawa Rasulullah s.a.w. melarang solat pada tengah hari melainkan hari Jumaat.”

Al-Dhahabī menilai Abū Sa‘īd al-Ṣayrafī Muḥammad ibn Mūsā<sup>25</sup> dan Muḥammad ibn Ya‘qūb ibn Yūsuf Abū al-‘Abbās al-Aṣamm<sup>26</sup> sebagai *thiqah*. Ibn Ḥajar pula menilai al-Rabī’ ibn Sulaymān ibn Dāwūd al-Jīzī<sup>27</sup>, Ishāq ibn ‘Abdillāh ibn Abī Ṭalḥah<sup>28</sup> dan Sa‘īd al-Maqburī<sup>29</sup> sebagai *thiqah*. Ringkasnya semua perawi dalam riwayat ini adalah *thiqah* kecuali Ibrāhīm ibn Muḥammad ibn Abī Yahyā al-Aslamī yang dinilai *matruk* oleh Ibn Hajar.<sup>30</sup> Walau bagaimanapun, al-Shāfi‘ī sendiri menilai gurunya sebagai *thiqah*<sup>31</sup>, justeru hadis ini dinilai *maqbul* (sahih) di sisi al-Syāfi‘ī.

<sup>24</sup> Hadith Riwayat al-Bayhaqī, Ma‘rifat al-Sunan wa al-Āthār, Kitab: *al-Ṣalāt*, Bab: *Mā Yastadill bih ‘alā Hādhā al-Nahy Yakhtaṣṣ bi Ba‘d al-Ayyām dūn Ba‘d*, no. hadith 6392. Lihat Aḥmad ibn al-Ḥusayn al-Bayhaqī, *Ma‘rifat al-Sunan wa al-Āthār*, vol 4 (Kaherah: Dār al-Wafā’, 1991), 338.

<sup>25</sup> Shams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad ibn ‘Uthmān al-Dhahabī, *Siyar A’lām al-Nubalā’* (Beirut: Mu‘assasat al-Risālah, 2001), 17: 350.

<sup>26</sup> al-Dhahabī, *Siyar A’lām al-Nubalā’*, 15: 452.

<sup>27</sup> Aḥmad ibn ‘Alī Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb* (Damsyik: Dār al-Rashīd, 1986), 206.

<sup>28</sup> *Ibid.*, 130.

<sup>29</sup> *Ibid.*, 236.

<sup>30</sup> *Ibid.*, 93.

<sup>31</sup> Jamāl al-Dīn Abū al-Hajjāj al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl fi Asmā’ al-Rijāl* (Beirut: Mu‘assasat al-Risālah, 1983), 2:188.

Implikasi daripada *qarā'in* di atas menjadikan hadis Abū Qatādah r.a. dapat dinaikkan kepada darjat *ḥasan li ghayrih*. Oleh itu, para ulama telah berhujah dengannya seperti yang dijelaskan oleh al-Bayhaqī yang menukulkan kenyataan daripada al-Shāfi'ī bahawa sudah menjadi amalan masyarakat untuk bersegera menunaikan fardu Jumaat dan mendirikan solat sunat sebelum kemunculan imam.<sup>32</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī pula menyebut bahawa hukum makruh solat pada waktu tengahari adalah pandangan Mazhab Hanafi, Syafii dan Hanbali.<sup>33</sup> Tambahan lagi Al-'Azīm 'Ābādī dalam komentarnya terhadap hadis ini berkata: "Hadis mursal sekiranya terdapat kelestarian beramal dengannya, kemudian dikuatkan dengan qiyas, kata-kata sahabat atau telah menjadi pilihan guru-guru yang tidak meriwayatkan daripada perawi *da'if*, tertolak dan seumpamanya, maka boleh beramal dengannya."<sup>34</sup>

### Hadis Larangan Solat Selepas Asar dan Subuh Kecuali di Mekah

Setelah al-Rāfi'ī membahaskan pengecualian waktu *tahrīm* pada hari Jumaat, beliau melanjutkan perbincangan lagi kepada pengecualian berdasarkan tempat dengan berkata:

وَأَمَّا الْمَكَانُ فَقَدْ رَوَى عَنْ أَبِي ذَرٍّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا صَلَاةَ بَعْدَ الْعَصْرِ حَتَّى تَعْرَبَ الشَّمْسُ، وَلَا صَلَاةَ بَعْدَ صَلَاةِ الصُّبْحِ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ" إِلَّا بِمَكَّةَ، وَاخْتَلَفَ الْأَصْحَابُ فِي هَذَا الْاسْتِثْنَاءِ، وَمِنْهُمْ مَنْ قَالَ: مَكَّةُ كَسَائِرِ الْبِلَادِ فِي أَوْقَاتِ الْكِرَاهِيَةِ وَالْاسْتِثْنَاءِ لِرُكْعَتِي الطَّوَافِ، فَإِنَّ لَهُ أَنْ يُطَوَّفَ مَتَى شَاءَ.<sup>35</sup>

<sup>32</sup> al-Bayhaqī, *Ma'rifat al-Sunan wa al-Āthār*, 3:438.

<sup>33</sup> Aḥmad ibn 'Alī Ibn Hajar, *Fath al-Bārī Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī* (Kaherah: Dār al-Rayyān, 1986), 2:74.

<sup>34</sup> Muḥammad Shams al-Ḥaqq al-Azīm Ābādī, *'Awn al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abī Dāwūd* (Kaherah: Dār al-Fikr, 1995), 3:299.

<sup>35</sup> al-Rāfi'ī, *Al-'Azīz fī Sharḥ al-Wajīz*, 3:124.

Maksudnya: “Adapun mengenai tempat, telah diriwayatkan daripada Abū Dharr bahawa Nabi s.a.w. bersabda: “Tiada solat selepas Asar sehingga terbenam matahari, dan tiada solat selepas Subuh sehingga terbit matahari” kecuali di Mekah. Para ulama berbeza pendapat mengenai pengecualian ini. Sebahagian mereka berkata bahawa di Mekah seperti juga di negeri-negeri lain pada waktu yang makruh, pengecualian itu untuk dua rakaat tawaf, kerana seseorang dibolehkan menunaikan tawaf pada bila-bila masa yang dikehendaki.”

Ibn al-Mulaqqin menyatakan bahawa hadis Abū Dharr r.a. adalah daripada riwayat Aḥmad, al-Dāraqutnī dan al-Bayhaqī. Namun, menurut beliau hadis ini *da'if* kerana perawi yang lemah.<sup>36</sup> Aḥmad meriwayatkan hadis ini melalui jalur Yazīd (yang berkata:) ‘Abdullāh ibn al-Mu’ammal mengkhabarkan kepada kami, daripada Qays ibn Sa’d, daripada Mujāhid, daripada Abū Dharr r.a.<sup>37</sup> Lalu, Ibn al-Mulaqqin menyatakan bahawa hadis ini *da'if* kerana Aḥmad menyatakan bahawa hadis ‘Abdullāh ibn al-Mu’ammal banyak yang munkar. Yaḥyā pula mengatakan hadisnya *da'if*.<sup>38</sup>

Sepertimana petikan di atas, al-Rāfi'ī mendatangkan hadis ini sebagai hujah tanpa menyentuh darjatnya. Seterusnya al-Rāfi'ī menjelaskan:

وَالْأَصْحَحُّ وَهُوَ الْمَذْكُورُ فِي الْكِتَابِ أَنَّ مَكَّةَ تُخَالِفُ سَائِرَ  
الْبِلَادِ لِشَرَفِ الْبُقْعَةِ وَزِيَادَةِ فَضِيلَةِ الصَّلَاةِ فَلَا يُجْرَمُ فِيهَا  
عَنْ اسْتِكْتَارِ الْفَضِيلَةِ بِحَالٍ.<sup>39</sup>

<sup>36</sup> Ibn al-Mulaqqin, *Khulāṣat al-Badr al-Munīr*, 1:96.

<sup>37</sup> Ibn al-Mulaqqin, *Al-Badr al-Munīr fī Takhrīj al-Aḥādīth wa al-Āthār al-Wāqī'at fī al-Sharḥ al-Kabīr* (Riyadh: Dār al-Hijrah li al-Nashr wa al-Tawzī', 2004), 3:274.

<sup>38</sup> *Ibid.*, 3:274.

<sup>39</sup> al-Rāfi'ī, *Al-'Azīz fī Sharḥ al-Wajīz*, 3:125.

Maksudnya: “*Pandangan yang paling sah ialah sebagaimana disebutkan dalam kitab, Mekah berbeza dengan tempat-tempat lain kerana kemuliaan tempatnya dan kelebihan solat di sana lebih besar, maka seseorang tidak diharamkan melakukan solat kerana ingin menambah pahala (keutamaan) pada bila-bila masa.*”

Bagi mengukuhkan kenyataan ini, al-Rāfi’ī telah mendatangkan hadis lain sebagai sokongan kepada hadis sebelumnya dengan berkata:

وَيَدُلُّ عَلَيْهِ مَا رُوِيَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: " يَا بَنِي  
عَبْدٍ مَنَافٍ مَنْ وَلِيَ مِنْكُمْ مِنْ أُمُورِ النَّاسِ شَيْئًا فَلَا يَمْتَنِعَنَّ  
أَحَدًا طَافَ بِهَذَا الْبَيْتِ أَوْ صَلَّى أَيَّةَ سَاعَةٍ مِنْ لَيْلٍ أَوْ  
نَهَارٍ".<sup>40</sup>

<sup>40</sup> al-Rāfi’ī, *Al-‘Azīz fī Sharḥ al-Wajīz*, 3:125. Ini merupakan lafaz yang diriwayatkan oleh al-Rāfi’ī. Namun, hadis ini diriwayatkan oleh Abū Dāwūd, al-Tirmidhī, al-Nasā’ī dan Ibn Mājah dengan lafaz yang sedikit berbeza. al-Tirmidhī, al-Nasā’ī dan Ibn Mājah meriwayatkan dengan lafaz yang sama iaitu daripada Jubayr ibn Muṭ’im r.a.:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: " يَا بَنِي عَبْدٍ مَنَافٍ، لَا تَمْنَعُوا أَحَدًا طَافَ بِهَذَا الْبَيْتِ  
وَصَلَّى أَيَّةَ سَاعَةٍ شَاءَ مِنْ لَيْلٍ أَوْ نَهَارٍ".

Hadith Riwayat al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhi, Kitab: *al-Ḥajj ‘an Rasūl Allāh ṣallā Allāh-‘Alayh wa Sallam*, Bab: *Mā Jā` fī al-Ṣalāt Ba’d al-‘Aṣr wa Ba’d al-Ṣubḥ liman Yaṭūf*, no. hadith 868. Lihat Abū Īsā Muḥammad bin Īsā, *Sunan al-Tirmidhī*, vol 2 (Kaherah: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1996), 210. Manakala riwayat daripada Abū Dāwūd pula seperti berikut:

يَبْلُغُ بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: " لَا تَمْنَعُوا أَحَدًا يَطُوفُ بِهَذَا الْبَيْتِ وَيُصَلِّي أَيَّ  
سَاعَةٍ شَاءَ مِنْ لَيْلٍ أَوْ نَهَارٍ". قَالَ الْفَضْلُ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: " يَا  
بَنِي عَبْدٍ مَنَافٍ، لَا تَمْنَعُوا أَحَدًا".

Hadith Riwayat Abū Dāwūd, Sunan Abī Dāwūd, Kitab: *al-Manāsik*, Bab: *al-Ṭawāf ba’d al-‘Aṣr*, no. hadith 1894, Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, vol 2 (Beirut: al-Maktabat al-‘Aṣriyyah, t.t.), 180.

Maksudnya: “Dan dalilnya ialah apa yang diriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda: “Wahai keturunan ‘Abd Manāf! Barangsiapa di antara kamu yang diberikan urusan (kepemimpinan) terhadap manusia, janganlah sesiapa pun menghalang seseorang yang ingin menunaikan tawaf di Baitullah ini atau solat pada bila-bila waktu, siang atau malam.”

Al-Rāfi'ī tidak menjelaskan darjat hadis ini, namun menurut al-Tirmidhī hadis ini hasan sahih.<sup>41</sup> Pada masa yang sama, Abū Dāwūd pula tidak memberi komen kepada hadis ini menunjukkan hadis ini tidak bermasalah pada pandangan beliau.<sup>42</sup> Justeru, hadis ini dapat menjadi sokongan kepada hadis *da'if* di atas. Sekalipun al-Rāfi'ī tidak menjelaskan bahawa hadis yang pertama *da'if* dan hadis kedua sebagai sokongannya, tetapi metodologi *istinbāṭ* yang dilakukan menunjukkan bahawa hadis *da'if* tetap dihujahkan dengan sokongan daripada *qarā'in*.

Selain itu, hadis di atas juga boleh dikuatkan dengan sokongan daripada hadis sahih riwayat Abū Sa'īd al-Khudrī r.a daripada Nabi s.a.w., baginda bersabda:

لَا صَلَاةَ بَعْدَ صَلَاةِ الْعَصْرِ حَتَّى تَعْرَبَ الشَّمْسُ، وَلَا  
صَلَاةَ بَعْدَ صَلَاةِ الْفَجْرِ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ.<sup>43</sup>

Terjemahan: “Tiada solat selepas solat asar sehingga terbenam matahari dan tiada solat selepas solat subuh sehingga terbit matahari.”

<sup>41</sup> al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 2:210.

<sup>42</sup> Sila rujuk kata-kata Abū Dāwūd Abū Dāwūd Sulaymān ibn al-Ash'ath. al-Sijistānī, *Risālat Abī Dāwūd ilā Ahl Makkah wa Ghayrihim fī Waṣf Sunanih*, (Beirut: Dār al-'Arabiyyah, t.t.), 27.

<sup>43</sup> Hadith Riwayat al-Bukhārī, Sahih al-Bukhārī, Kitab: *Faḍl al-Ṣalāt fī Masjid Makkah wa al-Madīnah*, Bab: *Masjid Bayt al-Maqdis*, no. hadith 1197. Lihat Muḥammad ibn Ismā'īl, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol 2 (Beirut: Dār Ṭawq al-Najāh, 2001), 61.

Implikasinya ialah hadis Abū Dharr r.a. dinaikkan darjat *ḥasan li ghayrih* kerana hadis Abū Saʿīd al-Khudrī r.a. menjadi *shāhid* bagi bahagian awalnya. Manakala hadis Jubayr ibn Muʿim r.a. menjadi *shāhid* bagi bahagian yang menyebut kebenaran solat pada waktu tersebut di Baitullah. Hadis ini telah diistinbāt oleh jumur ulama. Selain ia diterima oleh Mazhab Syafii seperti yang dihujahkan oleh al-Rāfiʿī dalam kitabnya *Fath al-ʿAzīz*, hukum ini juga diterima dalam mazhab lain seperti yang dinukilkan oleh Ibn ʿAbd al-Barr iaitu golongan yang berpandangan dengan pandangan ini ialah Mālik ibn Anas dan pengikut mazhabnya. Pandangan ini juga dipegang oleh Aḥmad ibn Ḥanbal dan Ishāq ibn Rāhawayh.<sup>44</sup>

### Hadis Sunah Bersuci Bagi Melaungkan Azan

al-Rāfiʿī menyokong kenyataan al-Ghazālī bahawa muazin disunatkan berada dalam keadaan suci ketika melaungkan azan dengan dalil diriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

"حَقُّ وَسُنَّةٌ أَنْ لَا يُؤَدِّنَ الرَّجُلُ إِلَّا وَهُوَ طَاهِرٌ".<sup>45</sup>

Terjemahan: "*Hak dan sunah bahawa seorang lelaki untuk tidak boleh melaungkan azan kecuali dalam keadaan suci (bersuci).*"

Seterusnya al-Rāfiʿī menyebutkan riwayat lain yang semakna bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

"لَا يُؤَدِّنُ إِلَّا مُتَوَضِّئًا".<sup>46</sup>

Terjemahan: "*Tidak boleh melaungkan azan kecuali dalam keadaan berwuduk.*"

Ibn al-Mulaqqin menyatakan hadis pertama merupakan riwayat al-Bayhaqī. Riwayatnya adalah seperti berikut:

---

<sup>44</sup> Ibn ʿAbd al-Barr, *al-Tamhīd*, 8:94.

<sup>45</sup> al-Rāfiʿī, *Al-ʿAzīz fī Sharḥ al-Wajīz*, 3:190.

<sup>46</sup> *Ibid.*, 3:191.

أَخْبَرَنَا أَبُو الْحُسَيْنِ بْنُ الْفَضْلِ الْقَطَّانُ بِبِعْدَادَ أَنَا أَبُو  
مُحَمَّدٍ جَعْفَرُ بْنُ هَازِمٍ، ثنا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ سِنَانَ  
ثنا سَلَمَةُ بْنُ سُلَيْمَانَ الضَّيِّيُّ ثنا صَدَقَةُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ  
الْمَازِينِيُّ ثنا الْحَارِثُ بْنُ عُثْبَةَ عَنْ عَبْدِ الْجَبَّارِ بْنِ وَائِلٍ،  
عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: "حَقٌّ وَسُنَّةٌ مَسْنُونَةٌ أَنْ لَا يُؤَدِّنَ الرَّجُلُ  
إِلَّا وَهُوَ طَاهِرٌ وَلَا يُؤَدِّنُ إِلَّا وَهُوَ قَائِمٌ".<sup>47</sup>

Hadis ini menurut Ibn al-Mulaqqin adalah *da'īf* kerana kelemahan perawi dan terdapat masalah tidak bersambung pada jalur periwayatan.<sup>48</sup> Hadis ini diriwayatkan melalui 'Abd al-Jabbār ibn Wā'il daripada bapanya.<sup>49</sup> Walau bagaimanapun, riwayat ini tidak sahih kerana menurut Ibn Ḥajar telah sabit dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* kenyataan 'Abd al-Jabbār bahawa ketika (ayahnya hidup dia) masih kecil, beliau tidak memahami solat ayahnya. al-Nawawī menukulkan fakta tentang para imam hadis sependapat bahawa beliau tidak mendengar langsung daripada ayahnya, dan sebahagian mereka menambah bahawa beliau dilahirkan selepas kematian ayahnya.<sup>50</sup> Dalam jalur al-Bayhaqī ini juga terdapat 'Abdullāh ibn Muḥammad ibn Sinān yang dinilai *matrūk* oleh al-Dāraquṭnī dan 'Abd al-Ghanī.<sup>51</sup> Justeru, riwayat ini sebenarnya sangat *da'īf*.

Walaupun bagaimanapun, hadis ini mempunyai sokongan *mutābi'* daripada riwayat Abū al-Shaykh dalam kitabnya *al-Adhān*:

<sup>47</sup> Hadith Riwayat al-Bayhaqī, al-Sunan al-Kubrā, Kitab: *al-Ṣalāt*, Bab: *al-Qiyām fī al-Adhān wa al-Iqāmat*, no. hadith 1840. Lihat Aḥmad ibn al-Ḥusayn al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, vol 1 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 576.

<sup>48</sup> Ibn al-Mulaqqin, *Khulāṣat al-Badr al-Munīr*, 1:104.

<sup>49</sup> *Ibid.*, 1:104.

<sup>50</sup> Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *al-Talkhīṣ al-Ḥabīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'ī al-Kabīr* (Riyadh: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989), 1:509.

<sup>51</sup> Abū al-Faraj Ibn al-Jawzī, *al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986), 2:1.

حَدَّثَنَا عَبْدَانُ ثَنَا هِلَالُ بْنُ بَشْرِ ثَنَا عُمَيْرُ بْنُ عِمْرَانَ  
الْعَلَّافُ ثَنَا الْحَارِثُ بْنُ عُيَيْدٍ عَنْ عَبْدِ الْجَبَّارِ بْنِ وَائِلٍ عَنْ  
أَبِيهِ، قَالَ: "حَقٌّ وَسُنَّةٌ مَسْنُونَةٌ أَنْ لَا يُؤَدَّنَ إِلَّا وَهُوَ طَاهِرٌ،  
وَلَا يُؤَدَّنُ إِلَّا وَهُوَ رَاكِبٌ".

Kitab karya Abū al-Shaykh ini berstatus *mafqud* (hilang) dan tidak dapat dikesan sehingga kini. Walau bagaimanapun, al-Zayla'ī telah mencatatkan sanadnya dengan sempurna dalam kitabnya *Nashb al-Rāyah* pada *Kitāb al-Ṣalāt, Bāb al-Adhān*.<sup>52</sup> Berdasarkan penelitian pengkaji, sanad dalam kitab ini lebih kuat kerana 'Abdān dinilai *ṣadūq* oleh al-Dhahabī,<sup>53</sup> Hilāl ibn Bishr dinilai *thiqah* oleh Ibn Hajar<sup>54</sup> dan 'Umayr ibn 'Imrān al-'Allāf pula perawi *ḍa'īf* menurut Ibn 'Adī.<sup>55</sup> Manakala al-Ḥārith ibn 'Ubayd nama sebenarnya ialah al-Ḥārith ibn 'Utbah. Beliau dinilai *thiqah* oleh Ibn Ḥibbān.<sup>56</sup> 'Abd al-Jabbār ibn Wā'il pula dinilai *thiqah* oleh Ibn Hajar, cuma beliau meriwayatkan secara *irsāl* daripada bapanya.<sup>57</sup> Justeru, riwayat ini lebih kuat daripada riwayat al-Bayhaqī yang mampu mengangkat riwayat tersebut daripada sangat *ḍa'īf* kepada *ḍa'īf* ringan.

Hadis kedua pula, Ibn al-Mulaqqin menyatakan ia adalah riwayat al-Tirmidhī daripada jalur Abū Hurayrah r.a. secara *marfū'* dan mursal. Riwayat yang *marfū'* secara jelas bersambung kepada Nabi s.a.w.:

---

<sup>52</sup> Abū Muḥammad 'Abd Allāh ibn Yūsuf ibn Muḥammad al-Zayla'ī, *Nashb al-Rāyah li Ahādīth al-Hidāyah ma'a Hāshiyatih Bughyat al-Alma'ī fi Takhrīj al-Zayla'ī* (Beirut: Mu'assasat al-Rayyān li al-Ṭibā'at wa al-Nashr, 1997), 1:292.

<sup>53</sup> al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 14:169.

<sup>54</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, 575.

<sup>55</sup> Abū Aḥmad Ibn 'Adī al-Jurjānī, *al-Kāmil fi Ḍu'afā' al-Rijāl* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 6:135.

<sup>56</sup> Muḥammad Ibn Ḥibbān al-Bustī, *al-Thiqāt* (Hyderabad: Dā'irat al-Ma'ārif al-'Uthmāniyyah, 1973), 6:174.

<sup>57</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, 332.

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ حُجْرٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ بْنُ مُسْلِمٍ،  
عَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ يَحْيَى، عَنِ الزُّهْرِيِّ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ  
النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا يُؤَدِّنُ إِلَّا  
مُتَوَضِّئًا".<sup>58</sup>

Manakala riwayat secara mursal pula tidak menisbahkan kata-kata kepada Nabi s.a.w. Maksud mursal di sini adalah umum sebagaimana pada kupasan hadis sebelumnya tentang larangan solat pada waktu tengahari kecuali hari jumaat. Hadis ini tetap dihukum sebagai *marfū'* kerana perkara berkaitan hukum-hakam hanya diketahui daripada Nabi s.a.w. walaupun sahabat tidak menisbahkan kepada baginda. Riwayatnya adalah seperti berikut:

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ مُوسَى، قَالَ: حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ وَهْبٍ،  
عَنْ يُونُسَ، عَنِ ابْنِ شَهَابٍ، قَالَ: قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ: "لَا  
يُؤَدِّنُ إِلَّا مُتَوَضِّئًا".<sup>59</sup>

Ibn al-Mulaqqin turut mengatakan bahawa al-Tirmidhī berpandangan bahawa hadis yang tampak mursal lebih sahih.<sup>60</sup> al-Tirmidhī juga menjelaskan hadis ini adalah periwayatan al-Zuhrī daripada Abū Hurayrah r.a., namun, al-Zuhrī tidak meriwayatkan hadis ini secara langsung daripada Abū Hurayrah r.a. yang menjadikan ia mursal.<sup>61</sup>

<sup>58</sup> Hadith Riwayat al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, *Abwāb al-Ṣalāt 'an Rasūl Allāh ṣallā Allāh 'alayh wa-Sallam*, Bab: *Mā jā` fi Karāhiyyat al-adhān bi-ghayr Wuḍū`*, no. hadith 201. Lihat Abū Īsā Muḥammad bin Īsā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, vol 1 (Kaherah: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1996), 241.

<sup>59</sup> *Ibid.*, 1:241.

<sup>60</sup> Ibn al-Mulaqqin, *Khulāṣat al-Badr al-Munīr*, 1:104.

<sup>61</sup> al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 1:241.

Al-Rāfi'ī mendatangkan hadis pertama bagi menjelaskan bahawa tidak wajib berada dalam keadaan berwuduk untuk melaungkan azan, bahkan ia disunatkan sahaja. Oleh yang demikian, al-Rāfi'ī menjelaskan dengan mendatangkan hadis kedua seperti berikut:

وَهَذَا يَفْتَضِي الْأَسْتِحْبَابَ وَيُنْفِي الْوُجُوبَ، وَرَوَى أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا يُؤَدَّنُ إِلَّا مُتَوَضِّئًا"<sup>62</sup>، وَأَيْضًا فَإِنَّهُ يَدْعُو إِلَى الصَّلَاةِ فَيَنْبَغِي أَنْ يَكُونَ هُوَ بِصِفَةِ تُمْكِنِهِ أَنْ يُصَلِّيَ، وَإِلَّا فَهُوَ وَاعِظٌ غَيْرٌ مُعَظَّمٌ، فَلَوْ أَدَّنَ وَأَقَامَ جُنْبًا أَوْ مُحَدِّثًا فَقَدْ فَعَلَ مَكْرُوهًا.<sup>63</sup>

Terjemahan: “Hal ini menunjukkan bahawa bersuci untuk azan adalah perkara yang disunahkan dan tidak wajib. Diriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda: “Tidak boleh melaungkan azan kecuali dalam keadaan berwuduk.” Selain itu, tukang azan juga menyeru manusia kepada solat, maka sepatutnya dia berada dalam keadaan yang mampu untuk menunaikan solat. Jika tidak, dia hanyalah seorang pemberi nasihat biasa, bukan yang dimuliakan. Sekiranya dia melaungkan azan dan iqamah dalam keadaan junub atau hadas, maka dia telah melakukan sesuatu yang makruh.”

Dalam usaha al-Rāfi'ī menjelaskan hukum kesunahan bersuci untuk melaungkan azan, beliau telah mendatangkan dua hadis sebagai dalilnya. Kedua-dua hadis membawa maksud yang sama dan saling menguatkan satu sama lain. Hal ini boleh dilihat daripada kenyataan al-Mubārakfūrī:

قُلْتُ : الْعَمَلُ عَلَى حَدِيثِ الْبَابِ هُوَ الْأَوْلَى، فَإِنَّ الْحَدِيثَ وَإِنْ كَانَ ضَعِيفًا لَكِنَّ لَهُ شَاهِدًا مِنْ حَدِيثِ وَاثِلٍ، قَالَ

<sup>62</sup> al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 1:241.

<sup>63</sup> al-Rāfi'ī, *Al-'Azīz fī Sharḥ al-Wajīz*, 3:190.

الْحَافِظُ فِي التَّلْحِيصِ : رَوَى الْبَيْهَقِيُّ وَالِدَارُقُطِيُّ فِي الْأَفْرَادِ  
وَأَبُو الشَّيْخِ فِي الْأَذَانِ مِنْ حَدِيثِ عَبْدِ الْجَبَّارِ بْنِ وَايِلٍ عَنْ  
أَبِيهِ قَالَ : " حَقٌّ وَسُنَّةٌ أَنْ لَا يُؤَذِّنُ الرَّجُلُ إِلَّا وَهُوَ طَاهِرٌ  
، وَلَا يُؤَذِّنُ إِلَّا وَهُوَ قَائِمٌ " ، إِلَّا أَنْ فِيهِ انْقِطَاعًا.<sup>64</sup>

Maksudnya: “*Aku berkata: Beramal dengan hadis dalam bab ini (hadis kedua) adalah lebih utama, kerana sesungguhnya hadis tersebut walaupun lemah, namun ia mempunyai penguat (shāhid) daripada hadis Wā'il r.a. al-Hāfiẓ berkata dalam al-Talkhīs: al-Bayhaqī dan al-Dāraqutnī dalam al-Afrād, serta Abū al-Shaykh dalam al-Adhān meriwayatkan daripada hadis 'Abd al-Jabbār ibn Wā'il daripada bapanya, beliau berkata: “Adalah suatu hak dan sunah bahawa seseorang lelaki tidak melaungkan azan kecuali dalam keadaan suci, dan tidak melaungkan azan kecuali dalam keadaan berdiri,” namun dalam sanadnya terdapat bahagian yang tidak bersambung (inqiṭā').*”

Kesimpulannya, al-Rāfi'ī mendatangkan dua hadis *da'if* untuk *istinbāṭ* hukum kesunahan berwuduk untuk melaungkan azan. Sebagaimana kelaziman beliau, walaupun darjat hadis tersebut tidak dinyatakan, jelas bahawa hadis-hadis itu saling menguatkan antara satu sama lain dan boleh dijadikan hujah.

Pada hadis ini, al-Rāfi'ī telah mendatangkan riwayat Abū Hurayrah r.a. sebagai sokongan kepada riwayat pertama daripada Wā'il r.a. Sekalipun kedua-duanya tidak terlepas daripada kritikan, namun kedua-duanya saling menguatkan antara satu sama lain. Justeru, pada bab ini al-Rāfi'ī sendiri telah menyebutkan *qarā'in* yang menguatkan hadis yang beliau hujahkan.

<sup>64</sup> al-Mubārakfūrī, *Tuhfat al-Aḥwadhī bi sharh Jāmi' al-Tirmidhī*, 1:512.

Kewujudan *qarā'in* di atas menjadikan kedua-dua hadis Wā'il r.a. dan hadis Abū Hurayrah r.a. saling menguatkan, dengan yang demikian masing-masing boleh dinaik taraf ke *hasan li ghayrih*. Justeru ia diamalkan oleh para ulama seperti yang dijelaskan oleh al-Marghinānī, bahawa digalakkan menunaikan azan dan iqamat dalam keadaan suci kerana kedua-duanya adalah zikir yang mulia. Maka disunatkan padanya bersuci, namun jika dilakukan azan tanpa wuduk ia adalah harus.<sup>65</sup> Menurut al-Mubārakfūrī, Badr al-'Aynī berkata ini adalah pandangan al-Shāfi'ī, Aḥmad dan kebanyakan ulama.<sup>66</sup> Kenyataan ini menunjukkan ia diamalkan oleh jumhur ulama.

### Hadis Larangan Duduk *al-Iq'ā'*

Selain itu, ketika al-Rāfi'ī membahaskan cara solat dan keuzuran solat dalam keadaan duduk, beliau menjelaskan larangan *al-iq'ā'* ketika *tashahhud* dan duduk antara dua sujud. al-Nawawī menjelaskan bahawa terdapat dua jenis *al-iq'ā'*. Pertamanya, ialah duduk dengan meletakkan punggung mencecah lantai sehingga dua belah kaki yang melipat menjarak disertai kedua-dua tangan menongkat di atas lantai sehingga kelihatan hampir serupa dengan gambaran anjing duduk. Ini ialah cara *al-iq'ā'* yang dilarang.<sup>67</sup>

Manakala yang kedua ialah duduk dengan menjadikan punggungnya berada di atas kedua-dua tumitnya yang ditegakkan ketika duduk di antara dua sujud. Ini ialah *al-iq'ā'* yang dikira sebagai sunah Nabi s.a.w.<sup>68</sup>

Al-Rāfi'ī menjelaskan *al-iq'ā'* yang dimakruhkan seperti berikut:

بُكْرُهُ الْإِقْعَاءُ هَذَا فِي الْقُعُودِ، وَفِي جَمِيعِ قَعَدَاتِ الصَّلَاةِ،

<sup>65</sup> Abū al-Ḥasan 'Alī ibn Abī Bakr al-Rashdānī al-Marghīnānī, *Al-Hidāyat fi Sharḥ Bidāyat al-Mubtadī* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 2004), 1:44.

<sup>66</sup> al-Mubārakfūrī, *Tuḥfat al-Aḥwadhī bi Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī*, 1:512.

<sup>67</sup> Yahyā ibn Sharaf al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1972), 5:19.

<sup>68</sup> *Ibid.*, 5:19.

لَمَّا رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَمَى أَنْ يُقْعِيَ الرَّجُلَ فِي صَلَاتِهِ»، وَيُرَوَى أَنَّهُ قَالَ: "لَا تَقْعُوا إِقْعَاءَ الْكِلَابِ".<sup>69</sup>

Maksudnya: “Perbuatan *iq‘ā*’ dimakruhkan dalam duduk dan juga dalam semua posisi duduk dalam solat, berdasarkan riwayat bahawa Nabi s.a.w. melarang seseorang duduk secara *iq‘ā*’ dalam solatnya. Diriwayatkan juga bahawa Baginda bersabda: “Janganlah kamu duduk seperti duduknya anjing.”

Hadis ini adalah riwayat Ahmad daripada Abū Hurayrah r.a. Ibn al-Mulaqqin menghukumnya sebagai *da'if* kerana kelemahan perawi.<sup>70</sup> Ahmad meriwayatkan hadis ini seperti berikut:

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ آدَمَ، حَدَّثَنَا شَرِيكٌ، عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي زِيَادٍ، عَنْ مُجَاهِدٍ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: أَمَرَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِثَلَاثٍ، وَهَيَّأَنِي عَنْ ثَلَاثٍ: " أَمَرَنِي بِرُكْعَتِي الضُّحَى كُلَّ يَوْمٍ، وَالْوُتْرَ قَبْلَ النَّوْمِ، وَصِيَامَ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ، وَهَيَّأَنِي عَنْ نَقْرَةِ كَنْفَرَةِ الدَّبِيبِ، وَإِقْعَاءِ كِافِعَاءِ الْكَلْبِ، وَالتَّفَاتِ كَالْتِفَاتِ الثَّعْلَبِ".<sup>71</sup>

Terjemahan: “Yaḥyā ibn Ādam telah menceritakan kepada kami, Sharīk telah menceritakan kepada kami, daripada Yazīd ibn Abī Ziyād, daripada Mujāhid, daripada Abū Hurayrah r.a., beliau berkata: “Nabi s.a.w. memerintahkan aku melakukan tiga perkara dan melarang aku

<sup>69</sup> al-Rāfi'ī, *Al-'Aziz fī Sharḥ al-Wajīz*, 3:285.

<sup>70</sup> Ibn al-Mulaqqin, *Khulāṣat al-Badr al-Munīr*, 1:115.

<sup>71</sup> Hadīth Riwayat Ahmad, Musnad Ahmad, no. hadīth 8105. Lihat Ahmad ibn Ḥanbal al-Shaybānī, *Musnad al-Imām Ahmad ibn Ḥanbal*, vol 13 (Riyadh: Mu`assasat al-Risālah, 2001), 468.

*daripada tiga perkara; beliau memerintahkanmu untuk mengerjakan dua rakaat solat dhuha setiap hari, melakukan salat witr sebelum tidur, dan berpuasa tiga hari setiap bulan. Beliau juga melarangmu (semasa solat) daripada (menunaikan dengan cepat umpama) mematok seperti patukan ayam jantan, duduk seperti duduknya anjing, dan berpaling ke kiri dan ke kanan umpama seekor rubah.”*

Namun, Ibn al-Mulaqqin tidak menyebutkan perawi mana yang lemah dalam kitabnya kerana berpada dengan kesimpulan al-Nawawī bahawa tiada hadis yang sahih tentang larangan *al-iq'ā'* melainkan hadis riwayat 'Ā'ishah r.a.<sup>72</sup> Menurut al-Dhahabī, Yazīd ibn Abī Ziyād adalah perawi *ḍa'īf* berdasarkan penilaian Abū Zur'ah, Abū Ḥātim, Ibn 'Adī dan Shu'bah.<sup>73</sup> Justeru, hadis ini menjadi *ḍa'īf* kerana terdapat perawi Yazīd ibn Abī Ziyād.

Berdasarkan kenyataan al-Rāfi'ī di atas, beliau telah *beristinbāt* dengan hadis tersebut untuk menyatakan larangan duduk seperti anjing. Namun, seperti yang dijelaskan juga, hadis daripada Musnad Ahmad adalah *ḍa'īf*. Walau bagaimanapun, berbeza dengan perbincangan hadis sebelum ini yang mana al-Rāfi'ī akan mendatangkan sokongan kepada riwayat yang *ḍa'īf*. Pada kali ini, beliau tidak membawa sokongan kepada riwayat tersebut. Walau bagaimanapun, riwayat tersebut mempunyai sokongan lain yang akan dijelaskan.

Sekalipun hadis itu *ḍa'īf* namun ia semakna dengan hadis sahih. al-Nawawī menjelaskan tiada hadis larangan duduk *al-iq'ā'* yang sahih melainkan hadis 'Ā'ishah r.a. pada akhir bab *Jamī' Sifat al-Ṣalāh*,<sup>74</sup> iaitu hadis berikut:

---

<sup>72</sup> Ibn al-Mulaqqin, *al-Badr al-Munīr*, 3:522-523.

<sup>73</sup> al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 6:130.

<sup>74</sup> al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, 4:215.

"وَكَانَ يَنْهَى عَنْ عُقْبَةِ الشَّيْطَانِ".<sup>75</sup>

Terjemahan: "Rasulullah s.a.w. melarang duduk dalam posisi yang menyerupai cara duduk syaitan."

Hadis dengan lafaz *al-iq'ā'* adalah *da'if*, namun oleh kerana ia selari dengan makna daripada hadis sahih. Maka bahagian larangan *iq'ā' al-kalb* dalam hadis Abū Hurayrah r.a. mempunyai *shāhid* daripada hadis 'Ā'ishah r.a. namun ia tidak menjadi *shāhid* bagi keseluruhan lafaz hadis Abu Hurayrah r.a. Justeru, tidak salah al-Rāfi'ī berhujah dengan hadis ini untuk menyatakan kemakruhan duduk seperti anjing. Bahkan, al-Nawawī juga mengikuti al-Rāfi'ī dalam hal ini dan menyatakan bahawa makruh duduk *al-iq'ā'* adalah dengan *ittifāq al-'ulamā'*.<sup>76</sup>

### Hadis Tuntutan Membaca al-Fatihah Setiap Rakaat

Pada perbincangan berkaitan dengan kewajipan membaca surah al-Fatihah dalam solat, setelah al-Rāfi'ī menjelaskan mazhab Maliki hanya mewajibkan membaca al-Fatihah dalam kebanyakan rakaat solat yang dikerjakan, iaitu jika solat tiga rakaat, maka yang wajib hanya membaca dua kali al-Fatihah dan jika solat empat rakaat, maka hanya tiga kali sahaja yang wajib. Seterusnya al-Rāfi'ī berkata:

وَالْمَشْهُورُ عَنْهُ مِثْلُ مَذْهَبِنَا، وَلَنَا مَا رُوِيَ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ  
الْحُدْرِيِّ أَنَّهُ قَالَ: "أَمَرْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ  
نَقْرَأَ فَاتِحَةَ الْكِتَابِ فِي كُلِّ رُكْعَةٍ".<sup>77</sup>

<sup>75</sup> Hadith Riwayat Muslim, Sahih Muslim, Kitab: *al-Ṣalāt*, Bab: *Mā Yajma' Ṣifat al-Ṣalāt wa Mā Yufiaḥ bih wa Yukhtam bih wa Ṣifat al-Rukū' wa al-I'tidāl minh, wa al-Sujūd wa al-I'tidāl minh, wa al-Tashahhud ba'd kull rak'atayn min al-Rubā'iyat, wa Ṣifat al-Julūs bayn al-Sajdatayn, wa ft al-Tashahhud al-Awwal*, no. hadith 498. Lihat Muslim al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol 1 (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1972), 357.

<sup>76</sup> al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, 4:215.

<sup>77</sup> al-Rāfi'ī, *Al-'Aziz ft Sharḥ al-Wajīz*, 3:313.

Maksudnya: “Dan pendapat yang masyhur daripadanya (Aḥmad) adalah seperti mazhab kami (Mazhab Syafii). Hujah kami ialah apa yang diriwayatkan daripada Abū Sa’īd al-Khudrī, beliau meriwayatkan: “Rasulullah s.a.w. memerintahkan kami supaya membaca al-Fatihah dalam setiap rakaat.”

Ibn al-Mulaqqin berkata hadis ini *gharīb* seperti yang diungkapkan oleh Ibn Jawzī.<sup>78</sup> Lebih terperinci, Ibn al-Mulaqqin menjelaskan setelah beliau melakukan pencarian yang bersungguh-sungguh, beliau tidak menemukan perawi yang meriwayatkannya. Hanya sahaja Ibn al-Jawzī menukilkan dalam kitab *Tahqiq*-nya dengan menisbalkannya kepada riwayat para *fuqahā`* dalam kalangan ulama *Hanābilah*.<sup>79</sup>

Apa yang jelas daripada kenyataan al-Rāfi’ī ini, beliau menjelaskan hadis di atas adalah dalil bagi mazhab Syafii tentang kewajipan membaca al-Fatihah dalam setiap rakaat. Berdasarkan penilaian Ibn al-Mulaqqin di atas, hadis yang *diistinbāt* oleh al-Rāfi’ī adalah *da’if*. Sekalipun beliau berhujah dengannya, al-Rāfi’ī tidak menjelaskan darjatnya dan tidak juga mendatangkan sokongan bagi riwayat tersebut. Meskipun begitu, pengkaji menemukan sokongan bagi riwayat tersebut yang akan dijelaskan di bawah.

Sokongan tersebut merupakan hadis sahih yang semakna dengannya iaitu riwayat daripada Abū Qatādah r.a.:

"أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقْرَأُ فِي الرَّكْعَتَيْنِ  
الْأُولَيَيْنِ مِنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ وَسُورَةٍ وَيُسْمِعُنَا  
الْآيَةَ أَحْيَانًا وَيَقْرَأُ فِي الرَّكْعَتَيْنِ الْأُخْرَيَيْنِ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ."<sup>80</sup>

<sup>78</sup> Ibn al-Mulaqqin, *Khulāṣat al-Badr al-Munīr*, 1:119.

<sup>79</sup> Ibn al-Mulaqqin, *al-Badr al-Munīr*, 3:550.

<sup>80</sup> Hadith Riwayat Muslim, Sahih Muslim, Kitab: *al-Ṣalāt* Bab: *al-Qirā`at fi al-Zuhr wa al-’Aṣr*, no. hadith 451. Lihat Muslim al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol 1 (Beirut: Dār Iḥyā` al-Turāth al-’Arabī, 1972), 333.

Terjemahan: “Bahawa Nabi s.a.w. membaca pada dua rakaat yang awal pada solat zohor dan asar dengan al-Fatihah dan satu surah dan terkadang kami mendengar bacaan ayat, dan baginda membaca pada dua rakaat terakhir juga dengan surah al-Fatihah.”

Sokongan daripada *shāhid* di atas menjadikan hadis ini naik ke darjat *hasan li ghayrih* dan ia layak dijadikan dalil dalam menetapkan hukum. Menurut al-Nawawī, hadis yang diriwayatkan oleh Muslim melalui Abū Qatādah r.a. di atas adalah merupakan dalil bagi kewajipan membaca al-Fatihah dalam semua rakaat. Hanya Abū Ḥanīfah sahaja yang tidak mewajibkannya dan pandangan beliau ialah boleh memilih untuk membaca al-Fatihah, tasbih atau diam. Sehubungan dengan perkara ini, al-Nawawī menyatakan bahawa, jumhur ulama mewajibkan membaca al-Fatihah dan ini adalah pandangan yang sesuai dengan hadis-hadis yang sahih.<sup>81</sup>

## PENUTUP

Kajian ini merumuskan bahawa pendekatan al-Rāfi'ī dalam proses *istinbāḥ* hukum melalui karya *Fath al-'Aziz* tidak boleh dinilai secara terpisah daripada metodologi keseluruhan ulama hadis dan *fuqahā'* Mazhab Syafii. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lima hadis yang dianalisis telah digunakan oleh al-Rāfi'ī sebagai sandaran hukum ketika mensyarahkan *al-Wajīz*. Walau bagaimanapun berdasarkan *takhrīj* Ibn al-Mulaqqin, hadis-hadis tersebut diklasifikasikan sebagai *da'if* dari sudut penilaian sanad secara bersendirian.

Penilaian Ibn al-Mulaqqin yang menghukum *da'if* adalah berdasarkan penilaian sanad semata-mata. Hal ini sama seperti yang dilakukan oleh al-Haythamī ketika membuat penilaian hadis dalam *Majma' al-Zawā'id* yang turut melakukan penilaian hadis berdasarkan sanad sahaja tanpa penilaian ke atas matan hadis. Sudah menjadi tradisi para ulama terdahulu meninggalkan ruang kepada

---

<sup>81</sup> al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, 4:128.

generasi seterusnya untuk meneruskan kajian bagi melengkapkan ruang tersebut. Oleh yang demikian, pengkaji hadis yang masih baru dalam bidang tidak boleh tergesa-gesa membuat persepsi tanpa mendalami bidang secara meluas dan mencukupi.

Hal ini kerana, hasil analisis lanjut mendapati bahawa hadis-hadis tersebut sebenarnya mencapai darjat *ḥasan li ghayrih*, hasil pengukuhan melalui *qarā'in* yang menguatkan hadis. Justeru, hadis *ḥasan* boleh dijadikan hujah dalam proses *istinbāt* hukum. Ketiadaan penjelasan langsung daripada al-Rāfi'ī mengenai darjat hadis-hadis tersebut bukanlah petunjuk kepada pengabaian disiplin hadis, sebaliknya mencerminkan pendekatan metodologi yang mengambil kira sokongan luaran. Daripada lima hadis yang dikaji, dua daripadanya (hadis 2 dan 3) al-Rāfi'ī telah mendatangkan riwayat lain sebagai penguat, manakala tiga lagi tidak didatangkan hadis penguat.

Kajian lanjut mendapati bahawa kesemua hadis berkenaan memiliki *qarā'in* yang signifikan, antaranya disokong oleh *shawāhid*, keselarasan makna dengan hadis sahih dan pengamalan berterusan para *fuqahā'*. *Qarā'in* ini berfungsi menguatkan makna dan kedudukan hadis sehingga ia boleh diamalkan dalam konteks hukum-hakam. Justeru, kajian ini menegaskan bahawa penggunaan hadis *da'if* oleh al-Rāfi'ī tidak bersifat mutlak atau longgar, sebaliknya terikat dengan kerangka metodologi yang membolehkan hadis tersebut meningkat kepada darjat *ḥasan li ghayrih*.

Kesimpulannya, pendekatan al-Rāfi'ī memperlihatkan keseimbangan antara ketelitian ilmu hadis dan keperluan praktikal fiqah, sekali gus menyumbang kepada pemahaman yang lebih tepat terhadap metodologi *istinbāt* hukum dalam tradisi Mazhab Syafii. Antara perkara yang perlu difahami ialah kitab *Fath al-'Azīz* adalah kitab fiqah, namun al-Rāfi'ī sedaya upaya mendatangkan dalil bagi permasalahan fiqah yang dibincangkan dalamnya. Justeru, beliau tidak memperincikan perbincangan hadis dalamnya kerana berpada dengan dalil-dalil yang dimuatkan itu cukup kuat untuk *istidlāl* di sisinya. Kajian lanjutan seperti ini membuktikan bahawa hadis-hadis *da'if* yang dimuatkan olehnya tidaklah semata-mata lemah melainkan mempunyai *qarā'in* yang menguatkannya. Kajian *qarā'in* yang

sama boleh dibuat kepada kitab-kitab lain seperti *al-Majmū' sharh al-Muhadhdhab li al-Nawawī*, *al-Hidāyah* oleh *al-Marghīnānī* dan *al-Mughnī li Ibn al-Qudāmah*.

## RUJUKAN

- 'Awwāmah, Muḥammad. *Ḥukm al-'Amal bi al-Ḥadīth al-Ḍa'if bayn al-Nazariyyah wa al-Taṭbīq wa al-Ḍa'wā*. Jeddah: Dār al-Minhāj, 2017.
- al-'Aydūs, Zayn Muḥammad Ḥusayn. *al-Ḥadīth al-Ḍa'if wa Athāruh fī al-Aḥkām*. Kaherah: Dār al-Bashā'ir, 2011.
- al-'Azīm Ābādī, Muḥammad Shams al-Haqq. *'Awn al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*. Damsyik: Dar al-Fikr. 1995.
- al-'Abbād, 'Abd al-Muḥsin. *Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*. Mawqā' al-Shabakat al-Islāmiyyah. t.t.  
<https://shamela.ws/book/37052/13430>
- al-Bayhaqī, Aḥmad ibn al-Ḥusayn. *Ma'rifat al-Sunan wa al-Āthār*. Kaherah: Dār al-Wafā', 1991.
- al-Bukhārī, Muḥammad ibn Ismā'īl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Tawq al-Najāḥ, 2001.
- al-Dhahabī, Shams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad ibn 'Uthmān. *Siyar A'lām al-Nubalā'*. Beirut: Mu'assasat al-Risālah, 2001.
- al-Jazā'irī, Bashīr Ḍayf ibn Abī Bakr. *Majmū' Rasā'il fī Bayān al-Ḥadīth al-Ḍa'if*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2014.
- al-Khudayr, 'Abd al-Karīm ibn 'Abdillāh. *al-Ḥadīth al-Ḍa'if wa Ḥukm al-Iḥtijāj bih*. Riyadh: Dār al-Salām, 1997.
- al-Marghīnānī, 'Alī ibn Abī Bakr. *Al-Hidāyah fī Sharḥ Bidāyah al-Mubtadī*. Beirut: Dār al-Iḥyā', 2001.
- al-Marghīnānī, Abū al-Ḥasan 'Alī ibn Abī Bakr al-Rashdānī. *Al-Hidāyah fī Sharḥ Bidāyat al-Mubtadī*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 2004.
- al-Mizzī, Jamāl al-Dīn Abū al-Ḥajjāj. *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl*. Beirut: Mu'asasah al-Risalah, 1983.

- al-Mubārakfūrī, Abū al-'Ulā Muḥammad 'Abd al-Raḥmān ibn 'Abd al-Raḥīm. *Tuḥfat al-Aḥwadhī bi Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- al-Nawawī, Yahyā ibn Sharaf. *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1972.
- al-Rāfi'ī, Abū al-Qāsim 'Abd al-Karīm. *Al-'Azīz fī Sharḥ al-Wajīz*. Dubai: Jā'izat Dubayy al-Dawliyyat li al-Qur'ān al-Karīm, 2016.
- al-Sijistānī, Abū Dāwūd Sulaymān ibn al-Ash'ath. *Risālat Abī Dāwūd ilā Ahl Makkah wa Ghayrihim fī Wasf Sunanih*. Beirut: Dār al-'Arabiyyah, t.t.
- al-Sijistānī, Abū Dāwūd, Sulaymān ibn al-Ash'ath. *Sunan Abī Dāwūd*. Beirut: al-Maktabat al-'Aşriyyah, t.t.
- al-Tirmidhī, Abū 'Īsā Muḥammad ibn 'Īsā. *Sunan al-Tirmidhī*. Kaherah: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1996.
- al-Zayla'ī, Abū Muḥammad 'Abd Allāh ibn Yūsuf ibn Muḥammad. *Naşb al-Rāyah li Aḥādīth al-Hidāyah ma'a Ḥāshiyatih Bighyat al-almā'ī fī Takhrīj al-Zaylā'ī*. Beirut: Mu'assasat al-Rayyān li al-Ṭibā'at wa al-Nashr, 1997.
- al-Zuḥaylī, Muḥammad Muştafā. *Al-Wajīz fī Uşūl al-Fiqh al-Islāmī*. Damsyik: Dār al-Khayr li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 2006.
- al-Zuḥaylī, Muḥammad. *Al-Qawā'id al-Fiqhiyyat wa Taṭbīqātihā fī al-Madhāhib al-Arba'ah*. Beirut: Dār al-Fikr, 2006.
- Ibn 'Abd al-Barr, Abū 'Umar Yūsuf ibn 'Abd Allāh ibn Muḥammad ibn 'Abd al-Barr. *Al-Tamhīd limā fī al-Muwaṭṭa' min al-Ma'ānī wa al-Asānīd*. Rabat: Wizārat 'Umūm al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1387H.
- Ibn 'Adī al-Jurjānī, Abū Aḥmad. *Al-Kāmil fī Du'afā' al-Rijāl*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.
- Ibn al-Jawzī, Abū al-Faraj. *Al-Du'afā' wa al-Matrūkīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986.
- Ibn al-Mulaqqin, 'Umar ibn 'Alī. *Khulāṣat al-Badr al-Munīr*. Riyadh: Maktabat al-Rushd, 2011.

- Ibn al-Mulaqqin, Sirāj al-Dīn Abū Ḥafṣ 'Umar ibn 'Alī ibn Aḥmad al-Shāfi'ī al-Miṣrī. *Al-Badr al-Munīr fī Takhrīj al-Aḥādīth wa al-Āthār al-Wāqi'at fī al-Sharḥ al-Kabīr*. Riyadh: Dār al-Hijrah li al-Nashr wa al-Tawzī', 2004.
- Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad ibn 'Alī ibn Muḥammad ibn Aḥmad. *Taqrīb al-Tahdhīb*. Damsyik: Dār al-Rashīd, 1986.
- Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad ibn 'Alī ibn Muḥammad ibn Aḥmad. *Al-Talkhīṣ al-Ḥabīr fī Takhrīj al-Aḥādīth al-Rāfi' al-Kabīr*. Riyadh: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989.
- Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad ibn 'Alī. *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Rayyan, 1986.
- Ibn Ḥibbān al-Bustī, Muḥammad. *Al-Thiqāt*. Hyderabad: Dā'irat al-Ma'ārif al-'Uthmāniyyah, 1973.
- Muslim, Abū al-Ḥusayn ibn al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1955.
- Muṣṭafā, Ayman. "al-'Amal bi al-Ḥadīth al-Da'if 'ind al-Imām al-Shāfi'ī: Dirāsāt Taṭbīqiyyat min Khilāl Kitābih al-Umm." Tesis Doktor Falsafah yang belum diterbitkan, Islamic University of Gaza, 2019.
- Nabawī, Aḥmad. *Al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm fī Bayān Madhhab al-Muḥaddithīn fīmā al-Tabasa min al-Mafāhīm*. Kaherah: Dār al-Imām al-Rāzī, 2019.
- Nik Azhar, N. A. A. "Analisis Perkembangan Istilah Qawl Muktamad dan Rujukan Kitab Muktamad dalam Mazhab Shafie." *Jurnal 'Ulwan* 8, no. 1 (2023): 256-271.
- Sulaiman, Muhammad Hafizi. "Hadis Palsu dan Da'if: Pengertian dan Kesan." *Jurnal Penyelidikan Islam* 27 (2015): 30-62.